

Ramadan IM4U erat hubungan

» Program bantu tambah keahlian sukarelawan pelajar IPT

Oleh Ifwan Tun Tuah
ifwan@mediaprima.com.my

■ Seremban

Sukarelawan 1Malaysia For Youth (IM4U) melancarkan Program Ramadan IM4U bertujuan mengeratkan hubungan serta semangat kemasyarakatan terutama dalam kalangan belia.

Pengarah Bahagian Perhubungan Kerajaan IM4U, Abdul Kahar Abdullah, berkata program berkenaan secara tidak langsung dapat menambah keahlian sukarelawan IM4U terutama dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT).

"Kita ingin memupuk sema-

ngat kemasyarakatan dalam kalangan belia terutama pelajar IPT supaya mereka dapat berbakti terutama selepas tamat pengajian kelak bagi memastikan kesejahteraan masyarakat.

Empat aktiviti

"Program Ramadan IM4U merangkumi empat aktiviti iaitu Ramadan Ranger, IM4U Cook4U, rakan surau dan majlis berbuka puasa," katanya pada sidang media ketika ditemui pada Majlis Berbuka Puasa IM4U bersama anak yatim anjuran bersama Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di sebuah hotel di sini, baru-baru ini.

Turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan

FAKTA NOMBOR

138
projek

dilaksanakan IM4U bersama pelajar IPTA, politeknik dan kolej komuniti sejak dilancarkan

Rai 60 anak yatim

Pada majlis terbabit, seramai 60 anak yatim pelbagai peringkat usia dari Rumah Anak Yatim Murad Foundation dan Rumah Amal



Abdul Kahar (berdiri kiri) bersama Mohamed Asin beramah mesra bersama anak yatim pada **Majlis Berbuka Puasa IM4U bersama anak yatim** di Seremban, baru-baru ini.

[FOTO IQMAL HAQIM ROSMAN/BH]

Alumni) USIM, Prof Datuk Dr Mohamed Asin Dollah.

Sumber Kasih Sayang Asnaf Murad diraikan.

Abdul Kahar berkata, empat program berkenaan adalah sebahagian daripada 138 projek yang sudah dilaksanakan oleh IM4U bersama pelajar IPTA, politeknik dan kolej komuniti sejak dilancarkan.

"Kita memperuntukkan kira-kira RM2,500 untuk setiap projek kemasyarakatan dianjurkan oleh pelajar IPT. Bagaimanapun, sebelum peruntukan berkenaan diberikan, kita perlu meneliti kertes kerja terlebih dulu untuk memastikan ia sesuai dengan konsep IM4U," katanya.

